

BAHAGIAN A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah berkaitan dengan permainan tradisional di Malaysia.

Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional di negara kita**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

USAHA MEMPOPULARKAN PERMAINAN TRADISIONAL



- Peranan Ibu bapa
- Peranan Sekolah
- Peranan Media Massa

BAHAGIAN B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Peningkatan penghidap penyakit berjangkit di negara kita begitu membimbangkan.

Sebagai seorang remaja yang berilmu, berikan penjelasan tentang sebab-sebab berlakunya penyakit berjangkit ini.

2. Kehidupan masyarakat moden yang sibuk pada hari ini menyebabkan mereka hidup bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Mereka mengabaikan kehidupan berjiran.

Bincangkan langkah-langkah untuk menyuburkan semangat kejiranan.

3. Usaha kerajaan dalam meningkatkan mutu sukan negara melalui latihan, penyediaan prasarana dan intensif kemenangan dapat melahirkan atlet yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Berikan komen anda.

4. Sempena Hari Hak Asasi Manusia anda ditugaskan menulis sebuah rencana tentang langkah-langkah menangani isu pemerdagangan manusia untuk dimuatkan dalam sebuah akhbar tempatan.

Tulis rencana anda selengkapnya

5. *Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indahnya tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana Bahasa.*

Pantun budi di atas membawa maksud kepentingan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan kita.

Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa.

KERTAS SOALAN TAMAT

CADANGAN JAWAPAN

BAHAGIAN A

Pendahuluan

- Permainan Tradisional – Warisan budaya bangsa Melayu sejak turun temurun yang perlu dipelihara
- Usaha – serius /efektif perlu diimplimentasikan

Isi/Idea

Peranan ibu bapa

- Memperkenalkan permainan tradisional - sejak kecil
- Mengajak bermain – ketika lapang
- Mengajar cara-cara memainkan permainan tradisional
- Menghargai warisan bangsa yang sangat bernilai

Peranan Sekolah

- Menjadikan aktiviti pdp – di luar kelas
- Mengajar cara, peraturan, pemarkahan
- Menganjurkan pertandingan

Peranan Media Massa

- Memperkenalkan, menyuburkan perasaan cinta akan permainan tradisional
- Mengadakan rancangan khas
- Menadakan pertandingan-menawarkan hadiah lumayan/menarik

Penutup

- Permainan tradisional perlu dihidupkan kembali
- Usaha proaktif, sistematik
- Agar permainan tradisional kekal subur dan menjadi kebanggaan

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan

- 2003- Virus SARS, 2009- virus H1N1, 2020-Corona Virus atau Covid 19
- Tersebar – Melancong ke negara-negara yang terdapat virus ini

Isi/Idea (Sebab-sebab)

1. Tabiat atau amalan gaya hidup masyarakat kita yang tidak sihat

- Tidak menjaga kebersihan

2. Kurangnya penjagaan kesihatan di dalam dan di kawasan persekitaran rumah

- Longkang bertakung – Tempat pembiakan nyamuk – penyebaran demam denggi –boleh meragut nyawa

3. Kurangnya ilmu kesihatan atau maklumat tentang penyakit

- Masyarakat tidak mempedulikan amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa

4. Vaksin

- ketiadaan vaksin / golongan menolak vaksin

Kesimpulan

- Akibat sikap manusia itu sendiri
- Kerajaan perlu bertindak lebih tegas- mengekang penularan wabak penyakit tanpa kompromi
- Agar negara bebas/terhindar daripada penularan wabak penyakit yang berbahaya

Soalan 2 (Semangat Kejiranan – langkah-langkah)

Pendahuluan

- Kejiranan – memupuk perpaduan
- Demi mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negara berbilang kaum

Isi/Idea

1. Amalan ziarah-menziarahi

- Mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran
- Ziarah jiran yang sakit, kelahiran
- Menjaga ukhwah

2. Amalan bergotong-royong

- Mengeratkan hubungan-memupuk kerjasama-membersihkan kawasan perumahan
- Mewujudkan masyarakat perihatin

3. Amalan rumah terbuka

- Ketika musim perayaan – menyuburkan semangat kejiranan
- Masyarakat dapat mengenali adat dan budaya kaum lain
- Mewujudkan persefahaman, mengelakkan perselisihan faham yang boleh menjejaskan perpaduan kaum

4. Amalan Hari Keluarga

- Sukaneka sesama keluarga dalam taman perumahan
- Menyemai perasaan kasih sayang dan kemesraan dalam kalangan jiran yang berbilang kaum

Kesimpulan

- Semangat kejiranan yang semakin luntur tidak wajar dipandang enteng
- Semua pihak perlu mengorak langkah
- Agar perpaduan dapat dipupuk dan masyarakat hidup dalam harmoni

Soalan 3 (Mutu sukan negara)

Pendahuluan

- Mutu sukan negara – pada tahap yang membanggakan dan konsisten
- Prestasi atlet dan pasukan – turun naik –kadang kala mengecewakan peminat sukan negara
- Atlet tidak patriotik, kurang disiplin, pelapis kurang pendedahan, strategi tidak cukup ampuh

Isi/Idea

1. Melalui Latihan Intensif

- Meningkatkan keyakinan
- Persediaan memantapkan keupayaan fizikal

2. Penyediaan Prasarana

- Pusat akuatik bertaraf dunia
- Program pembangunan sukan
- Rumpit, peralatan elektronik (pencahayaan, papan skor)

3. Insentif Kemenangan

- Menyuntik motivasi kepada atlet
- Lebih bersemangat menharumkan nama negara
- Kerajaan negeri Terengganu- RM20 ribu serta 1 lot tanah rumah Kepada Pelumba basikal negara- Kejohanan Basikal Trek Dunia 2009
- MSN – Ganjaran RM300 ribu dan pencen bulanan RM3000- Atlet penerjun negara- Pingat Perak Sukan Olimpik
- Atlet Paralimpik menerima RM 1juta dan elaun bulanan RM5000- Pingat emas Sukan Paralimpik Rio

4. Menjaga kebajikan atlet dan bekas atlet negara

- Kehidupan pada masa depan terjamin walaupun sudah tidak menyumbang pingat kepada negara

Kesimpulan

Perlu dijalankan secara bersungguh-sungguh dan konsisten

Melalui pelabur asing sebagai penaja – pengecualian cukai kepada pelabur

Agar mutu sukan negara akan lebih bersinar di mata dunia

Soalan 4 (Pemerdagangan Manusia- langkah-langkah)

Pendahuluan

- Jenayah – melanggar hak asasi manusia
- Kanak-kanak menjadi sasaran sindiket
- Hamba seks, buruh paksa, penjualan organ manusia

Isi-Idea

1. Penguatkuasaan undang-undang

- Akta Anti Pemerdagangan Orang (Akta 670) ditahan di depot tahanan Imigresen di lapangan terbang
- Penghantaran pulang ke negara asal

2. Mengetatkan kawalan keselamatan di sempadan negara

- Kerjasama dengan pihak berkuasa negara
- Rondaan di kawasan perairan negara

3. Peranan pihak media massa

- Kempen kesedaran
- Menyiarkan rancangan berkenaan aktiviti pemerdagangan manusia

4. Peranan Masyarakat

- Melaporkan
- Rukun tetangga

Kesimpulan

-Kegiatan perlu dibanteras sehingga ke akar umbi

-Langkah serius dan proaktif perlu digerakkan agar hidup rakyat lebih sejahtera

Soalan 5 (Pantun Budi)Langkah-langkah

Pendahuluan

- **Budi Bahasa identiti masyarakat Malaysia**

Isi/Idea

1. Ibu bapa memberikan pendidikan tentang budi bahas kepada anak-anak sejak kecil
2. Pihak sekolah menekankan amalan berbudi Bahasa dalam pdp di sekolah
3. Pihak kerajaan mengadakan kempen yang berkaitan dengan amalan berbudi Bahasa
4. Pihak media massa perlulah menerbitkan dan menyiarkan rancangan atau program yang berunsurkan amalan berbudi Bahasa

Kesimpulan

Semua pihak perlu berganding bahu untuk mencapai hasrat tersebut agar usaha murni dapat dicapai demi keamanan, keharmonian dan kesejahteraan negara

**ANALISIS SOALAN KARANGAN BAHAN RANGSANGAN
JUN 2010 - NOV. 2019**

TAHUN	TEMA
2010(J)	Punca pencemaran udara
2010(N)	Grafik penjagaan kesihatan - Cara-cara menjalani kehidupan yang sihat
2011(J)	Kepentingan pengangkutan awam
2011(N)	Faedah belajar secara berkumpulan
2012(J)	Faedah menggunakan perpustakaan
2012(N)	Aktiviti sambutan Hari Kebangsaan di sekolah
2013(J)	Langkah-langkah menjaga keselamatan di jalan raya
2013(N)	Kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita
2014(J)	Langkah-langkah menjaga keselamatan kanak-kanak
2014(N)	Faedah menyertai sukan lasak kepada seseorang.
2015(J)	Langkah-langkah untuk menjimatkan perbelanjaan.
2015(N)	Tujuan mengadakan sambutan Hari Guru di peringkat sekolah
2016(J)	Kepentingan memelihara hutan
2016(N)	Ciri-ciri sekolah selamat
2017(J)	Kepentingan pasar tani
2017(N)	Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah
2018(J)	Punca-punca keracunan makanan
2018(N)	Langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam.
2019(J)	Faedah-faedah inovasi dalam kehidupan
2019(N)	Kebaikan-kebaikan Pusat Sumber Sekolah

